

KEFAHAMAN PELAJAR MUSLIMAH TERHADAP KEWAJIPAN MENUTUP AURAT DI POLITEKNIK MUKAH

Fatin Faqeriah Hamsah

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Mukah,
KM 7.5, Jalan Oya, 96400 Mukah, Sarawak, Malaysia

Farah Hanan Abu Bakar

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Mukah,
KM 7.5, Jalan Oya, 96400 Mukah, Sarawak, Malaysia

Lezawati Seron

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Mukah,
KM 7.5, Jalan Oya, 96400 Mukah, Sarawak, Malaysia

Corresponding Author’s Email: faqeriah@pmu.edu.my

Article history:

Received : 4 April 2023

Accepted : 10 April 2023

Published : 10 Mei 2023

ABSTRAK

Islam telah menggariskan tatacara berpakaian dengan sempurna khususnya untuk wanita muslimah seperti mana yang telah ditetapkan oleh syarak. Di Malaysia, wanita muslimah sedang dilanda fenomena perkembangan fesyen yang sentiasa “*up to date*” dari semasa ke semasa. Kebanyakan wanita muslimah keliru serta salah faham tentang tatacara berpakaian yang betul dengan menonjolkan gaya fesyen berlebihan-lebihan sehingga melanggar tuntutan syarak. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kefahaman pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat dan mengenal pasti tahap amalan pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat. Kajian ini juga dijalankan untuk melihat hubungan di antara tahap kefahaman dengan tahap pengamalan pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat. Responden kajian ini adalah pelajar perempuan Islam sesi 1: 2022/2023 di Politeknik Mukah. Sebanyak 25 item dalam soal selidik online yang dibangunkan melalui *google form* dikongsikan kepada responden. Nilai *Cronbach’s Alpha* kajian rintis adalah 0.885. Data deskriptif dianalisis menggunakan perisian “*Statistical Package for Social Science version 26*” untuk mendapatkan nilai min, kekerapan dan peratusan. Data inferensi dianalisis menggunakan korelasi “*Pearson*” untuk mengetahui hubungan antara tahap kefahaman dengan tahap amalan pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat berada pada nilai min yang tinggi iaitu 4.78. Manakala nilai min bagi tahap amalan pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat juga berada pada nilai min yang

tinggi iaitu 4.41. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang sangat kuat antara boleh ubah tahap kefahaman dengan tahap pengamalan pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat iaitu $r=0.741^{**}$. Justeru pelaksanaan dan pengamalan menutup aurat dengan sempurna perlu diambil perhatian oleh semua pihak agar wanita muslimah umumnya dapat mengaplikasikan etika pemakaian Islam dengan betul dan tidak melanggar tatacara berpakaian yang ditetapkan oleh syarak.

Kata Kunci: kefahaman, pelajar muslimah, kewajipan, menutup aurat

MUSLIM STUDENTS' UNDERSTANDING OF THE OBLIGATION TO COVER THE AURAT AT THE POLITEKNIK MUKAH

ABSTRACT

*Islam has outlined the procedure for dressing perfectly, especially for Muslim women, as prescribed by syarak. In Malaysia, Muslim women are being hit by the phenomenon of fashion developments that are always "up to date" from time to time. Most Muslim women are confused and misunderstood about the proper dress procedure, highlighting excessive fashion style to the point of violating the syarak claim. Therefore, this study was carried out to identify the level of understanding of Muslim students towards the obligation to cover the aurat and the level of practise of Muslim students on the obligation to cover the aurat. This study was also conducted to see the relationship between the level of understanding and the level of practise of Muslim students regarding the obligation to cover the aurat. The respondents to this study are female Muslim students in session 1:2022/2023 at Politeknik Mukah. A total of 25 items in the online questionnaire developed through Google Forms were shared with respondents. Cronbach's alpha pilot study value is 0.885. Descriptive data is analysed using the software "Statistical Package for Social Science version 26" to obtain mean, frequency, and percentage values. The inference data was analysed using the "Pearson" correlation to find out the relationship between the level of understanding and the level of practise of Muslim students towards the obligation to cover the aurat. The findings showed that the level of understanding of Muslim students towards the obligation to cover the aurat is at a high mean value of 4.78. While the mean value for the level of practise of Muslim students towards the obligation to cover the aurat is also at a high mean value of 4.41. The findings showed that there is a very strong and significant relationship between the variable level of understanding and the level of practise of Muslim students on the obligation to cover the aurat, which is $r = 0.741^{**}$. Hence, the implementation and practise of covering the aurat perfectly should be taken into account by all parties so that Muslim women can generally apply the ethics of Islamic dress correctly and not violate the dress procedures set by syarak.*

Keywords: comprehension; Muslim students; obligations; covering the aurat

PENGENALAN

Islam adalah agama yang sempurna dengan menetapkan garis panduan hidup berlandaskan al-Quran serta as-Sunnah. Islam mementingkan keharmonian dan kesejahteraan hidup manusia sebagai gambaran kualiti kehidupan umat Islam. Islam telah menggariskan panduan tatacara berpakaian berpandukan ketetapan syarak bagi menjaga maruah dan keperibadian diri. Allah SWT telah memerintahkan kewajipan menjaga aurat kepada umat Islam untuk memelihara kehormatan dan kemuliaan khususnya wanita muslimah. Allah SWT berfirman “Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menundukkan pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya dan hendaklah mereka melabuhkan tudung kepala ke paras dada mereka” (Al-Nur:31). Menurut Ezzah Insyirah et al. (2022), secara asasnya, umat Islam digalakkan untuk berhias agar kelihatan kemas, bersih dan cantik serta tidak menolak sebarang bentuk yang mendatangkan kecantikan selagi masih menepati tuntutan syarak. Gaya berpakaian yang melampau dan tidak menutup aurat adalah haram. Allah SWT berfirman “Hendaklah kamu tetap di rumah kamu dan janganlah kamu berhias seperti yang dilakukan oleh orang jahiliah zaman dulu. Kerjakanlah solat serta tunaikanlah zakat dan taatilah Allah dan RasulNya. Sesungguhnya Allah hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu wahai Ahlul Bait dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya” (Al-Ahzab:33).

Allah SWT telah mengurniakan naluri wanita untuk kelihatan cantik dalam berpakaian dan penampilan. Di Malaysia, wanita muslimah sedang dilanda fenomena perkembangan fesyen yang sentiasa “up to date” dari semasa ke semasa. Menurut Izzah Husna dan Khazri Osman (2022), kehadiran fesyen yang sentiasa mengikuti perkembangan arus dunia telah mentransformasikan gaya konservatif kepada fesyen kontemporari yang lebih moden. Rentetan daripada arus kepelbagaian fesyen menjadikan gaya pakaian diislamisasikan kepada konsep fesyen barat yang melanggar garis panduan yang ditetapkan oleh syarak Robiatul Adawiyah Mohd et al. (2021). Menurut Rashidah Othman et al. (2016) pertumbuhan fesyen yang kian meningkat di Malaysia, dapat dilihat pada pertunjukan fesyen dalam *Islamic Fashion Festival* dengan menonjolkan gaya fesyen berlebihan-lebihan sehingga tidak melambangkan konsep Islam sepenuhnya. Menurut Nozira Salleh (2021), beberapa fesyen pakaian yang ditonjolkan adalah tidak menepati garis panduan yang ditetapkan oleh syarak dan lebih mengikut trend yang ghairah berfesyen. Segelintir wanita muslimah memakai hijab dengan elok namun mengenakan baju dan seluar yang ketat dan nipis. Menurut Muhamad Zahiri Awang Mat et al. (2017), sebahagian pelajar kurang memahami konsep dan tuntutan menutup aurat dengan betul. Terdapat pelajar memakai tudung hanya ketika kelas mata pelajaran Pendidikan Islam sahaja namun tidak pada kelas mata pelajaran lain seperti kelas pendidikan jasmani.

Masalah ini juga turut berlaku di Politeknik Mukah. Sebahagian pelajar mengenakan pakaian yang menutup aurat hanya kerana terpaksa mematuhi

undang-undang dan peraturan pemakaian yang ditetapkan oleh institusi. Keadaan ini berbeza apabila mereka berada di luar kampus. Terdapat pelajar sekadar mengetahui kewajipan menjaga aurat namun tidak mempraktikkannya. Terdapat juga pelajar memakai tudung bersama baju dan seluar yang ketat, sekadar memakai tudung tanpa menjaga etika berpakaian yang betul menurut syarak. Masih ramai pelajar yang keliru dan salah faham tentang kod etika pematuhan pakaian dengan sempurna seperti yang telah ditetapkan dalam al-Quran serta as-Sunnah. Sebahagian pelajar kurang memahami dan jahil tentang kewajipan menutup aurat dan menganggap ianya adalah remeh. Justeru itu, pengkaji merasakan perlunya dibuat satu kajian untuk mengenal pasti tahap kefahaman pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat, mengenal pasti tahap amalan pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat dan mengenal pasti hubungan di antara tahap kefahaman dengan tahap pengamalan pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan untuk:

1. Mengenal pasti tahap kefahaman pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat.
2. Mengenal pasti tahap amalan pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat.
3. Mengenal pasti hubungan di antara tahap kefahaman dengan tahap pengamalan pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat.

TINJAUAN LITERATUR

Menutup Aurat Dalam Islam

Allah SWT telah menetapkan peraturan dalam semua aspek kehidupan manusia untuk kebaikan seluruh alam semesta. Begitu juga dalam peraturan tentang kewajipan menjaga aurat. Menurut Shofian Ahmad dan Lotfiah Zainol Abidin (2004), aurat diambil dari kata *aar* yang berasal daripada bahasa Arab bermaksud aib, keji dan tercela serta ianya perlu ditutup tidak kira sama ada sifat, perbuatan atau perkataan. Menurut Kamus Dewan (2005), aurat bererti bahagian badan yang wajib disembunyikan menurut hukum syarak. Daripada pengertian bahasa pula, maksud aurat dapat disimpulkan iaitu sesuatu yang perlu dijaga dan ditutup agar tidak terdedah sehingga menyebabkan seseorang timbul rasa malu. Pengertian ini menggambarkan betapa pentingnya seseorang menjaga aurat mereka seperti yang telah ditetapkan oleh syarak mewajibkan manusia menutup aurat.

Dalil Kewajipan Menutup Aurat

Umat Islam tidak kira lelaki atau wanita wajib menjaga aurat dengan menutup aurat mereka dari pandangan bukan mahram. Dalil al-Quran telah

memerintahkan umat Islam untuk menjaga aurat mereka telah disebutkan dalam pelbagai bentuk ayat dan surah. Antara ayat tersebut, Allah SWT berfirman “Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menundukkan pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya dan hendaklah mereka melabuhkan tudung kepala ke paras dada mereka” (Al-Nur: 31), “Wahai Nabi, suruhlah isteri-isteri dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan jilbab mereka bagi menutup seluruh tubuh (semasa mereka keluar). Cara yang demikian lebih sesuai bagi mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. (Ingatlah), Allah Maha Pengampun Lagi Maha Mengasihani” (Al-Ahzab: 59) dan “Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu pakaian untuk menutup aurat dan pakaian perhiasan dan ketahuilah pakaian yang berupa takwa itulah yang sebaik-baiknya. Demikian itu adalah sebahagian daripada tanda-tanda kekuasaan Allah, semoga mereka mengambil peringatan” (Al-A’raaf: 26).

METODOLOGI KAJIAN

Populasi Dan Kaedah Persampelan

Menurut Mohamad Najib (1999), populasi kajian adalah terdiri daripada semua ahli dalam kelompok kajian. Populasi kajian ini adalah dari kalangan pelajar wanita muslimah Politeknik Mukah dari semester satu sehingga semester lima sesi 1: 2022/2023. Sampel diambil daripada keseluruhan populasi. Jumlah keseluruhan populasi adalah 300 orang pelajar dan didapati hanya seramai 284 orang responden yang menjawab soalan soal selidik kajian ini.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Instrumen kajian menggunakan satu set soal selidik online yang dibangunkan melalui *google form*. Set soal selidik kajian ini mengandungi 3 bahagian iaitu bahagian A tentang maklumat latar belakang responden, bahagian B tentang tahap kefahaman pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat dan bahagian C tentang tahap amalan pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat. Data pada bahagian B dan bahagian C dianalisis berpandukan Skala Likert 5. Skala Likert 5 berskala 1 hingga 5 iaitu dari Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Kurang Setuju, Setuju dan Sangat Setuju. Menurut Lukman Hakim (2014), set soal selidik boleh diadaptasikan berpandukan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lain. Oleh itu pengkaji telah membangunkan soalan dengan mengadaptasikan soal selidik daripada kajian Hajaratul Adhwa’ dan Ahmad Kuthi (2018) dengan beberapa pengubahsuaian mengikut kesesuaian objektif kajian.

Kajian Rintis

Responden untuk kajian rintis telah dipilih secara rawak. Seramai 21 orang pelajar muslimah terlibat dalam menjawab soalan soal selidik ini. Sampel yang dipilih dalam kajian rintis mempunyai ciri yang serupa dengan sampel sebenar. Nilai *Alpha Cronbach* ialah 0.885. Ini bermakna kebolehpercayaan item pada soal selidik kajian ini adalah tinggi dan diterima.

Analisis Data

Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003), pengkaji boleh menggunakan pelbagai formula serta teori tersendiri untuk mendapatkan indeks berdasarkan objektif kajian. Oleh yang demikian, bahagian B dan bahagian C dianalisis berpandukan nilai skor min seperti jadual 1:

Jadual 1: Nilai skor min

Nilai Skor Min	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Jadual 1 menunjukkan nilai skor min yang telah dikelaskan kepada 3 tahap. Nilai min 1.00 sehingga 2.33 adalah tahap rendah, nilai min 2.34 sehingga 3.67 adalah tahap sederhana dan nilai min 3.68 sehingga 5.00 adalah tahap tinggi. Analisis inferensi dianalisis menggunakan kaedah *Pearson Coefficient Of Correlation*. Analisis korelasi adalah untuk mengetahui hubung kait antara dua pemboleh ubah (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999). Menurut cadangan Davis (1971), tahap kekuatan korelasi adalah mengikut ketentuan pada jadual 2:

Jadual 2: Klasifikasi kekuatan korelasi

Julat (+ atau -)	Kekuatan
0.01 hingga 0.09	Diabaikan
0.10 hingga 0.29	Rendah
0.30 hingga 0.49	Sederhana kuat
0.50 hingga 0.69	Kuat
0.70 atau lebih	Sangat kuat

Jadual 2 menunjukkan klasifikasi kekuatan korelasi mengikut tahap kekuatan. Julat 0.01 – 0.09 tahap kekuatan diabaikan, 0.10 – 0.29 tahap rendah, 0.30 – 0.49 tahap sederhana kuat, 0.50 – 0.69 tahap kuat dan 0.70 atau lebih tahap sangat kuat.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Maklumat Latar Belakang Responden

Jadual 3: Tempat tinggal

Tempat Tinggal	Kekerapan	Peratus
Kawasan perkampungan	133	46.8
Kawasan perumahan	92	32.4
Kawasan bandar	59	20.8

N = 284

Jadual 3 menunjukkan tempat tinggal responden mengikut kawasan. Seramai 133 orang 46.8% responden yang tinggal di kawasan perkampungan, 92 orang 32.4% responden yang duduk di kawasan perumahan dan 59 orang 20.8% responden yang tinggal di kawasan bandar.

Jadual 4: Jabatan

Jabatan	Kekerapan	Peratus
Jabatan Kejuruteraan Awam	32	11.3
Jabatan Kejuruteraan Elektrik	16	5.6
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal	18	6.3
Jabatan Perdagangan	181	63.7
Jabatan Teknologi, Maklumat dan Komunikasi	37	13.0

N = 284

Jadual 4 menunjukkan jabatan responden. Seramai 32 orang 11.3% responden dari Jabatan Kejuruteraan Awam, 16 orang 5.6% responden adalah dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik, 18 orang 6.3% responden dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, 181 orang 63.7% adalah dari Jabatan Perdagangan dan 37 orang 13.0% responden dari Jabatan Teknologi, Maklumat dan Komunikasi.

Jadual 5: Kaum

Kaum	Kekerapan	Peratus
Melayu	131	46.1
Melanau	117	41.2
Lain-lain	36	12.7

N = 284

Jadual 5 pula menunjukkan kaum responden. Responden kaum melayu adalah seramai 131 orang 46.1%, kaum melanau seramai 117 orang 41.2% dan kaum lain-lain seramai 36 orang 12.7%.

Jadual 6: Peringkat umur menutup aurat

Peringkat	Kekerapan	Peratus
7 tahun ke bawah	29	10.2
Sekolah rendah	147	51.8
Sekolah menengah	87	30.6
Politeknik	21	7.4

N = 284

Jadual 6 menunjukkan peringkat umur menutup aurat responden. Seramai 29 orang 10.2% responden yang menutup aurat ketika berumur 7 tahun ke bawah. Manakala 147 orang 51.8% responden menutup aurat ketika bersekolah rendah. Seramai 87 orang 30.6% responden yang menutup aurat ketika bersekolah menengah dan 21 orang 7.4% responden menutup aurat ketika belajar di Politeknik Mukah.

Jadual 7: Faktor menutup aurat

Faktor	Kekerapan	Peratus
Diri sendiri	103	36.3
Ibubapa	130	45.8
Rakan	10	3.5
Persekutaran	41	14.4

N = 284

Jadual 7 pula menunjukkan faktor menutup aurat bagi responden. Seramai 103 orang 36.3% responden yang menutup aurat kerana diri sendiri. Manakala 130 orang 45.8% responden menutup aurat disebabkan didikan ibubapa. Seramai 10 orang 3.5% responden pula yang menutup aurat kerana pengaruh rakan dan 41 orang 14.4% responden menutup aurat disebabkan faktor persekitaran.

Tahap Kefahaman Pelajar Muslimah Terhadap Kewajipan Menutup Aurat

Jadual 8: Tahap kefahaman pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat

No. item	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Interpretasi
B1	Menutup aurat wajib bagi setiap individu muslim yang baligh.	4.82	.683	Tinggi
B2	Aurat seorang lelaki adalah dari lutut hingga ke pusat.	4.78	.721	Tinggi
B3	Aurat seorang perempuan adalah seluruh tubuh kecuali muka dan telapak tangan.	4.85	.642	Tinggi
B4	Individu yang membuka aurat adalah	4.62	.842	Tinggi

	berdosa besar.			
B5	Haram mendedahkan aurat kepada individu yang bukan mahram.	4.80	.702	Tinggi
B6	Haram memakai pakaian yang ketat, jarang dan menampakkan tubuh badan bagi seorang wanita Islam.	4.82	.662	Tinggi
B7	Wanita Islam hendaklah memakai pakaian yang longgar dan tidak jarang.	4.82	.679	Tinggi
B8	Kewajipan menutup aurat adalah perintah Allah SWT.	4.85	.674	Tinggi
B9	Individu Muslim akan dilaknat oleh Allah apabila mengabaikan kewajipan menutup aurat.	4.73	.752	Tinggi
B10	Menutup aurat dengan betul menunjukkan keperibadian Muslim yang baik.	4.75	.764	Tinggi

N = 284

Sumber: Hajaratul Adwa’ dan Ahmad Kuthi (2018); Association of Malaysian Muslim Intellectuals (2018)

Jadual 8 menunjukkan dapatan kajian objektif pertama bagi mengenal pasti tahap kefahaman pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat. Terdapat 10 item pada bahagian B. Item B3 iaitu “Aurat seorang perempuan adalah seluruh tubuh kecuali muka dan telapak tangan” dan B8 iaitu “Kewajipan menutup aurat adalah perintah Allah SWT” menunjukkan skor min paling tinggi iaitu min = 4.85, sisihan piawai masing-masing 0.642 dan 0.674 berada pada tahap tinggi.

Dapatan ini disokong oleh Is Nurhayati (2020), bahawa aurat untuk wanita Islam ialah seluruh tubuh kecuali muka serta telapak tangan dengan tidak berpakaian ketat dan nipis yang boleh menimbulkan fitnah. Dapatan ini selari dengan kenyataan Ana Maftuhatul dan Mohammad Fattah (2021), bahawa aurat bagi perempuan Islam yang baligh ialah semua anggota badan kecuali muka dan telapak tangan agar tidak dapat dilihat oleh kaum lelaki yang bukan mahram. Dapatan item B8 adalah selari dengan firman Allah SWT “Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menundukkan pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya dan hendaklah mereka melabuhkan tudung kepala ke paras dada mereka” (Al-Nur:31). Menurut Ahmad Akram Mahmad Robbi dan Irwan Mohd Subri (2022), setiap umat Islam wajib menutup aurat dan mematuhi batas-batas aurat berdasarkan kepada situasi yang disebutkan dalam al-Quran serta al-Sunnah. Secara keseluruhannya min untuk bahagian B adalah, min = 4.78 dan sisihan piawai = 0.650 iaitu berada pada tahap tinggi.

Tahap Amalan Pelajar Muslimah Terhadap Kewajipan Menutup Aurat

Jadual 9: Tahap amalan pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat

No. item	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Interpretasi
C1	Saya memakai pakaian yang menutup aurat apabila keluar dari rumah.	4.35	.902	Tinggi
C2	Saya menjaga batasan aurat dengan lelaki bukan mahram.	4.31	.860	Tinggi
C3	Saya memakai pakaian yang longgar dan tidak nipis.	4.40	.850	Tinggi
C4	Saya memakai tudung yang melepas paras dada.	4.19	.962	Tinggi
C5	Saya memakai baju berlengan panjang.	4.51	.847	Tinggi
C6	Saya memakai sarung tangan apabila memakai baju berlengan pendek.	4.58	.896	Tinggi
C7	Saya memakai baju yang menutup punggung.	4.50	.809	Tinggi
C8	Saya memakai baju inner apabila memakai kain baju yang nipis.	4.68	.719	Tinggi
C9	Saya menjaga aurat saya semenjak saya baligh.	4.08	1.033	Tinggi
C10	Saya sentiasa menjaga maruah diri dengan memakai pakaian yang menutup aurat.	4.51	.804	Tinggi

N = 284

Sumber: Hajarutul Adwa' dan Ahmad Kuthi (2018); Association of Malaysian Muslim Intellectuals (2018)

Jadual 9 menunjukkan dapatan kajian bagi mengenal pasti tahap kefahtaman pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat. Daripada 10 item pada bahagian C, item C8 iaitu "Saya memakai baju inner apabila memakai kain baju yang nipis" menunjukkan skor min paling tinggi iaitu min = 4.68 dan sisihan piawai = 0.719 berada pada tahap tinggi. Dapatkan ini disokong oleh kenyataan Siti Zanariah dan Muhammad Adib (2021), bahawa Islam menetapkan garis panduan berpakaian kepada wanita muslimah dengan menitikberatkan pemakaian pakaian yang tebal serta tidak nipis untuk mengelakkan pelbagai fitnah serta menjaga kehormatan maruah Islam. Dapatkan ini juga selari dengan kenyataan Izzah Husna dan Khazri Osman (2022), bahawa pemakaian seorang wanita muslimah hendaklah longgar, tebal dan tidak nipis sehingga memperlihatkan bentuk badan. Pakaian wanita muslimah yang nipis serta jarang sehingga menampakkan susuk badan adalah haram dan sangat dilarang oleh

syariat Islam. Secara keseluruhannya min untuk bahagian C adalah, $\text{min} = 4.41$ dan sisihan piawai = 0.719 iaitu berada pada tahap tinggi.

Hubungan di Antara Tahap Kefahaman dengan Tahap Pengamalan Pelajar Muslimah terhadap Kewajipan Menutup Aurat

Jadual 10: Hubungan di antara tahap kefahaman dengan tahap pengamalan pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat

		Kefahaman	Amalan
Kefahaman	Korelasi Person	1	.741**
	Sig. (1-tailed)		.000
	N	284	284

** *Signifikan pada aras keyakinan 0.01 (1-tailed)*

Jadual 10 menunjukkan hubungan antara tahap kefahaman dengan tahap pengamalan pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat. Dapatkan menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang sangat kuat antara boleh ubah tahap kefahaman dengan tahap pengamalan pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat iaitu ($r=0.741^{**}$, $p=<0.05$). Menurut Robiatul Adawiyah Mohd et al. (2021), penerapan ilmu menutup aurat dengan sempurna dan memberi kefahaman tentang tuntutan mengenakan pakaian menutup aurat adalah sangat penting dan menjadi kewajipan kepada anak perempuan bagi membentuk perasaan ingin sentiasa menutup aurat serta takut untuk melanggar perintah Allah SWT. Dapatkan ini juga disokong oleh kenyataan Nur Izzah Jainudin dan A'dawiyah Ismail (2018) bahawa asas kefahaman dalam penerapan penjagaan aurat dengan betul amat penting dalam kehidupan dan pengetahuan ini perlu ditekankan bermula dari pendidikan awal.

KESIMPULAN

Kajian ini memberi gambaran tentang tahap kefahaman dan amalan pelajar muslimah Politeknik Mukah tentang kewajipan menutup aurat serta hubungan di antara keduanya. Kajian ini menjelaskan bahawa majoriti pelajar muslimah mengetahui dan memakai pakaian yang menutup aurat. Walaubagaimanapun masih terdapat pelajar muslimah yang hanya mengetahui tentang kewajipan menutup aurat namun tidak mengamalkan apa yang di tuntut oleh syarak. Kajian ini menunjukkan masih ada pelajar iaitu sebanyak 21.5% yang tidak bersetuju mereka memakai tudung melepas paras dada. Berdasarkan kepada dapatan tersebut mendapati masih terdapat pelajar menganggap perkara tersebut remeh, memadai dengan hanya memakai pakaian ringkas dengan melilit tudung yang menampakkan dada. Manakala sebanyak 26.4% pelajar yang tidak bersetuju mereka menjaga aurat mereka semenjak baligh. Melalui dapatan kajian ini juga menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang sangat kuat antara kefahaman dengan pengamalan pelajar muslimah terhadap kewajipan menutup aurat. Kerjasama dan perhatian semua pihak amat penting dan berperanan dalam

memastikan pemahaman dan pengamalan pelajar tentang kewajipan menutup aurat dapat dipupuk dan disemai dalam jiwa pelajar. Diharap kajian ini dapat menjadi panduan pihak pensyarah dan politeknik merangka strategi untuk melahirkan pelajar muslimah yang sentiasa istiqamah dalam penjagaan aurat di sisi Islam. Peranan ibu bapa, rakan serta masyarakat sekeliling turut memainkan peranan yang penting dalam memastikan kesedaran pelajar terhadap kewajipan menutup aurat. Justeru pelaksanaan dan pengamalan menutup aurat dengan sempurna perlu diambil perhatian oleh semua pihak agar wanita muslimah umumnya dapat mengaplikasikan etika pemakaian Islam dengan betul dan tidak melanggar tatacara berpakaian yang ditetapkan oleh syarak.

RUJUKAN

- Al-Quran Al-Karim
- Abdullah Basmehi (2001). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri
- Ahmad Akram Mahmad Robbi, Irwan Mohd Subri. (2022). Analisis aurat atlet muslim di Temasya Olimpik 2022: Kajian menurut perspektif fiqh Islam. *Journal of Fatwa Management and Research*. Jfatwa: ISSN: 2232-1047, eISSN: 0127-8886.
<https://jfatwa.usim.edu.my/index.php/jfatwa/article/view/430/373>
- Ana Maftuhatul Khasanah, Mohammad Fattah. (2021). Pakaian ideal seorang muslimah (Studi komparatif dalam pentafsiran surah al-A'raf ayat 26 antara kitab tafsir al-Maraghi dan tafsir al-Azhar). *Advances in Humanities and Contemporary Studies Vol. 2 No.1* (2021) 21-23. e-ISSN: 2773-4781. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Publisher's Office.
<https://penerbit.uthm.edu.my/periodicals/index.php/ahcs/article/view/1636/788>
- Davis, J. A. (1971). *Elementary survey analysis*. Englewood cliffs, New Jersey: Prentice-Hall
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2005). *Kamus dewan*. edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ezzah Insyirah Md Hairee, Nur Syahmina Zaaim Hasman, Saiyidah Safwanah Jummain, Prof Madya Dr Syed Najihuddin Syed Hassan. (2022). Satu kajian berfesyen dan tabbaruj menurut perspektif Islam dalam kehidupan wanita), *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7* (PASAK 7 2022). Dalam Talian 22 & 23 Jun 2022 (eISSN 2811-4051). http://conference.kuis.edu.my/pasak/images/pasak7/eprosiding2022/PASA_K7_075_EZZAH.pdf
- Hajaratul Adhwa' Ahmad Kuthi. (2018). Konsep pemakaian dan aurat pelajar muslimah: Satu kajian perbandingan antara fesyen dan hukum, *ICRIALE 2018*. e-ISBN: 978-967-14229-3-9
- Is Nurhayati. (2020). Pendidikan akhlak dalam berpakaian bagi perempuan menurut surat an-Nur ayat 31 dan al-Ahzab ayat 59. Vol 3 No 1 (2020): *Thoriqotuna: Jurnal Pendidikan Islam*.
<http://jurnal.iailm.ac.id/index.php/thoriqotuna/article/view/231/158>

- Izzah Husna Mohd Zamri, Khazri Osman. (2022). Pendekatan dakwah menerusi pakaian dan fesyen Islamik. *Seminar Dakwah & Wahdah Al-Ummah, 2022*. Fakulti Pengajian Islam: Universiti Kebangsaan Malaysia. 14-15 Julai 2022.
- Lukman Hakim Ahmad (2014). Persepsi pelajar terhadap kurikulum pendidikan Islam Politeknik dalam pembentukan sahsiah muslim. Selangor: *Jurnal Pendidikan Malaysia*
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). Penyelidikan pendidikan. Johor: *Penerbit Universiti Teknologi Malaysia*.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan. Johor: *Penerbit Universiti Teknologi Malaysia*.
- Muhamad Zahiri Awang Mat, Zariah Zakaria Zabariah Ahmad, Siti Salwa Md Sawan. (2017). Kaedah meningkatkan kesedaran menutup aurat dalam kalangan murid Sekolah Rendah. *Malaysian Journal For Islamic Studies*, eISSN 2550-2042 jilid 2 2017. <https://journal.unisza.edu.my/mjis/index.php/mjis/article/view/9/7>
- Nozira Salleh. (2021). Tabarruj dan fesyen pakaian muslimah pada zaman kini. *Akademika* 91(1), 2021: 109-118 <http://journalarticle.ukm.my/16725/1/43945-154717-1-PB.pdf>.
- Nur Izzah Jainudin, A'dawiyah Ismail. (2018). Faktor pengetahuan amalan batas aurat dan pergaulan remaja perempuan SMK Titingan Tawau Sabah. *Jurnal Hadhari* 10 (2) (2018) 141-158. ejournals.ukm.my/jhahdari. ISSN 1985-6830. eISSN 2550-2271. <http://journalarticle.ukm.my/12485/1/28917-89330-2-PB.pdf>
- Rashidah Othman, Siti Norlina Muhamad, Farahwahida Mohd Yusof, Muhammad Amir Wan Harun. (2016). Fesyen wanita menurut perspektif Islam dan kesannya terhadap kesejahteraan fizikal dan spiritual.. *Sains Humanika*. e-ISSN ISSN: 2289-6996, 8:3 (2016) 65-71.
- Robiatul Adawiyah Mohd, Nadzrah Ahmad, Norzulaili Mohd Ghazali. (2021). Peranan ibu dalam memberi pemahaman terhadap surah al-Nur, ayat 31 tentang kewajipan berhijab. *Proceedings of the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT) 2021 FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia*. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/14434/1/PERANAN%20IBU%20DALAM%20MEMBERI%20PEMAHAMAN%20TERHADAP%20SURAH%20AL-NUR%20AYAT%2031%20TENTANG%20KEWAJIPAN%20BERHIJAB.pdf>
- Shofian Ahmad, Lotfiah Zainol Abidin. (2004). Aurat kod pakaian Islam. *Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.*
- Siti Zanariah Husain, Muhammad Adib Samsudin. (2021). Konsep fesyen menurut syarak dan kaitan dengan *Tabarruj*: Satu Tinjauan Literatur. *Journal of Contemporary Islamic Law*. (2021) Vol.6(2): 114-126, e-ISSN: 0127-788X. <http://journalarticle.ukm.my/18248/1/JCIL-2021-62-Article-12.pdf>